

31 OCT 2002

Mahathir-Inggeris

PELAJAR SRJK CINA PERLU AMBIL DUA KERTAS PEPERIKSAAN UNTUK SAINS DAN MATEMATIK

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SRJKC) perlu mengambil dua kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang berbeza untuk mata pelajaran Matematik dan Sains dengan pelaksanaan dasar pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris tahun depan.

Mereka perlu mengambil UPSR untuk kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris kerana kedua-dua mata pelajaran itu diajar dalam kedua-dua bahasa itu.

Pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, Perdana Menteri berkata keempat-empat parti komponen BN berasaskan masyarakat Cina menerima dasar pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris dengan beberapa pengubahsuaian.

"Sekolah-sekolah Cina akan mengurangkan waktu untuk belajar dalam beberapa perkara untuk diberi waktu belajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris," katanya.

Keempat-empat parti berkenaan -- MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah (SAPP) -- telah diberikan tempoh seminggu untuk mengemukakan formula kaedah pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di SRJKC setelah pelaksanaannya dipersetujui pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN Selasa lepas.

Sementara itu Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang ditemui di tempat yang sama selepas itu berkata, pelajar SRJKC akan hanya mengambil kertas matematik dan sains dalam bahasa Mandarin pada peringkat UPSR mengikut sukatan pelajaran biasa SRJKC untuk kedua-dua mata pelajaran itu.

Katanya, peperiksaan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris akan hanya diadakan sebagai ujian dalaman di peringkat sekolah.

Pada sidang media itu Dr Mahathir berkata pengubahsuaian yang dikemukakan oleh parti-parti komponen BN berasaskan Cina untuk melaksanakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris itu tidak menjejaskan dasar yang dipersetujui oleh kerajaan.

Pengubahsuaian yang dicadangkannya itu, katanya, membabitkan pengurangan waktu belajar untuk mata pelajaran bahasa Mandarin, pendidikan jasmani dan pendidikan moral.

"Bahasa Mandarin dahulu 15 waktu belajar, sekarang jadi 12, pendidikan jasmani dikurangkan satu waktu belajar dan pendidikan moral juga dikurangkan satu waktu belajar," katanya.

Dengan pengubahsuaian itu, waktu belajar mingguan di SRJKC ialah sembilan untuk bahasa Malaysia (tidak berubah), 12 untuk bahasa Mandarin (dikurangkan tiga waktu), dua untuk bahasa Inggeris (tidak berubah), enam untuk matematik dalam bahasa Mandarin dan empat untuk matematik dalam bahasa Inggeris dan masing-masing tiga waktu untuk pengajaran sains dalam bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris.

Waktu belajar mingguan untuk pendidikan moral ialah empat (dikurangkan satu waktu) manakala waktu belajar pendidikan jasmani dua (dikurangkan satu waktu).

Perdana Menteri berkata pengubahsuaian yang dicadangkannya itu turut menambah empat waktu belajar mingguan untuk SRJKC daripada 46 waktu kepada 50 waktu.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata, peperiksaan dalam dua bahasa yang berbeza bagi mata pelajaran sains dan matematik untuk SRJKC mungkin terpaksa dilaksanakan selama empat hingga lima tahun.

Ditanya sama ada cadangan itu akan membebaskan pelajar, beliau berkata, perkara itu adalah persoalan lain tatapi kerajaan memang memberi masa yang lebih sehingga 50 waktu belajar seminggu untuk SRJKC.

-- BERNAMA

AFY AZH MAI